

PENGURUSAN INDUSTRI HIBURAN DAN MINUMAN KERAS

PEJABAT DAERAH BATU PAHAT (PDBP) . PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI (PDKT)

RUMUSAN AUDIT

"Industri hiburan telah membantu pertumbuhan ekonomi & pelancongan negeri Johor. Bagaimanapun, pengurusan lesen hiburan dan minuman keras di PDBP & PDKT tidak dilaksanakan dengan cekap & berkesan."

DASAR



UNDANG-UNDANG



HASIL



PELESEN



Pelan Pembangunan Mampam Johor (PPMJ) 2030

Memacu Negeri Johor ke arah negeri berdaya saing melalui pembangunan mampam dan dinamik.

Lesen Hiburan

Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 (EHDTHH)

Lesen Minuman Keras

Akta Eksais 1976 Pindaan 1 Julai 2021

RM3.31 juta

Jumlah Kutipan Hasil Lesen Hiburan dan Minuman Keras di PDBP dan PDKT bagi tahun 2018 - 2021.

225 Pelesen

Kawal selia oleh Bahagian Pelesenan Pejabat Daerah.

PENCAPAIAN

OUTPUT

- 67% Prestasi kutipan hasil lesen berbanding sasaran.
- Prestasi kelulusan permohonan lesen memuaskan.
- Prestasi pembaharuan lesen kurang memuaskan kerana Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.
- Prestasi tempoh masa kelulusan lesen tidak dapat diukur.

KEBERHASILAN

- 65 Peluang pekerjaan kepada penyanyi & pemuzik tempatan di premis hiburan.
- 50% Sumber pendapatan kepada Penerbit Filem Tempatan (RM4.99 juta).
- 62% Responden penduduk tempatan bersetuju operasi dan penempatan premis hiburan memberi kesan kepada ketenteraman awam.

PENGURUSAN AKTIVITI

- 13 Premis perniagaan beroperasi tanpa lesen.
- 1 Premis beroperasi di luar zon ditetapkan.
- 12 Pengeluaran lesen tanpa kelulusan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN).
- 96 Kesalahan berlaku di premis hiburan melalui Operasi Noda PDRM.
- 5 Operasi Penguatkuasaan ke atas sebuah premis hiburan melibatkan kenaaan denda RM19,500.
- 10 Lesen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan tidak dikenakan bayaran deposit dengan anggaran berjumlah RM100,000.

PEMBANGUNAN HARTANAH INDUSTRI

PERBADANAN JOHOR (JCORP) . YAYASAN PELAJARAN JOHOR (YPJ) . PERBADANAN ISLAM JOHOR (PIJ)

RUMUSAN AUDIT

"Pembangunan hartanah industri oleh agensi yang berkaitan telah mencapai objektif dari segi peningkatan pendapatan agensi Kerajaan negeri serta pertumbuhan ekonomi Negeri Johor."

DASAR



HASIL



TANAH INDUSTRI



Rancangan Struktur Negeri Johor (RSNJ) 2020

Memperkuh & menyebarkan pembangunan perindustrian.

Pelan Pembangunan Mampam Johor (PPMJ) 2030

Memfokuskan ekonomi mengikut kekuatan wilayah serta pemeraksaan industri minyak & gas.

RM642.50 juta

JCORP
RM629.86 juta

YPJ
RM5.12 juta

PIJ
RM7.52 juta

17,207.38 ekar



JCORP
15,513.94 ekar

YPJ
135.50 ekar

PIJ
52.042 ekar

PENCAPAIAN

OUTPUT



KEBERHASILAN



Pembangunan hartanah industri berasaskan wilayah & hab tercapai.



RM30.51 juta hasil tahunan kepada Kerajaan negeri.



Nilai export perabot **RM19.47 bilion** (64.5% daripada nilai eksport perabot Malaysia).



100% responden pengusaha di Taman Perindustrian Bakri bersetuju bahawa kerosakan jalan raya dan lampu jalan kerap berlaku.

PENGURUSAN AKTIVITI



Jcorp belum mempunyai pelan perancangan pembangunan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat II (Zon 5) seluas 214.51 ekar.



Penjualan tanah seluas 250 ekar di Taman Perindustrian Pengerang masih tertangguh.



Tanah milik PIJ seluas 12.04 ekar masih kosong.



Penglibatan Bumiputera bagi pembangunan Taman Perindustrian Bakri Fasa 2 tidak dilaksanakan.



Pusat Pengurusan Sisa Berjadual Johor lewat siap menyebabkan hasil pajakan (**RM425,000**) 2019 & 2020 tidak diterima.



Penamatan kontrak pajakan menyebabkan PIJ perlu membayar suguhati RM1 juta.